

Penuntut SMSU USIM lawat Jabatan Kimia

SEREMBAN 18 Jun - Sekumpulan penuntut tahun empat Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang (SMSU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai lawatan sambil belajar ke Jabatan Kimia Malaysia, baru-baru ini.

Program anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) itu bertujuan memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar terhadap perkara berkaitan dengan undang-undang keterangan atau pembuktian yang dipelajari secara teori selama dua semester di universiti.

Dalam lawatan tersebut, peserta mengunjungi bahagian utama jabatan berkenaan seperti bahagian Kriminalistik yang secara amnya mengendalikan pemeriksaan ke atas bahan bukti fizikal yang berkaitan dengan kes jenayah.

Bahagian berkenaan mengendalikan pemeriksaan senjata api, kenderaan, bahan bukti surih dan cekera optik cetak rompak selain penyiasatan tempat kebakaran.

Penuntut turut dibawa melawat bahagian Pemprofilan Forensik asid deoksiribonukleik (DNA) bagi mengetahui lebih lanjut berhubung proses berkeenaan, di mana ia amat penting bagi menyelesaikan kes jenayah berat membabitkan kes bunuh, rogol, gangguan seksual, pengenalpastian mayat, pembuangan bayi termasuk rompakan.

Menurut Pensyarah Kanan FSU USIM, Dr. Muzafar Syah Mallow, antara bahagian lain yang dilawati adalah bahagian Perkhidmatan Pemeriksaan Dokumen yang bertanggungjawab untuk mengendalikan pemeriksaan tulisan tangan, tandatangan, dan pengubahsuaian dokumen.

"Lawatan sambil belajar itu sebenarnya menjadikan proses pembelajaran itu lebih efektif sekali gus meningkatkan minat penuntut terhadap sesuatu subjek.

"Malah inisiatif ini akan merupakan persediaan awal sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan sekiranya menceburi dunia perundangan kelak," katanya.